



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6/6/2011

PM optimis lawatan ke luar negara lonjak ekonomi Malaysia

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak optimistik dengan beberapa lawatannya ke luar negara bulan lalu, mampu melonjakkan ekonomi Malaysia selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Perdana Menteri berkata, lawatan rasminya ke tiga benua iaitu Eropah, Amerika Utara dan Asia memberi petunjuk positif dari segi ekonomi apabila terdapat negara menawarkan pelaburan di negara mereka, selain bersestuju melabur di Malaysia.

"Mei adalah masa untuk mengeratkan hubungan antarabangsa dengan pelabur di negara ini. Jadi, catatan blog kali ini agak panjang yang saya ringkaskan sebaik mungkin.

"Namun, apa yang dapat saya simpulkan ialah semua lawatan rasmi ke luar negara itu mendapat manfaat dari segi ekonomi dengan jaminan pelaburan jangka panjang," katanya dalam blognya di <http://www.lmalaysia.com.my>, semalam.

Najib berkata, destinasi lawatan rasminya yang pertama ialah di Arab Saudi dengan mengadakan pertemuan bersama Raja Abdullah Abdul Aziz Al Saud.

Beliau berkata, majlis makan tengahari khas itu ada-

lah penghormatan luar biasa terhadapnya dan berkesempatan berbincang pelbagai perkara termasuk meningkatkan kerjasama kedua-dua negara dalam semua aspek.

Katanya, lawatan kerjanya kemudian diteruskan ke Qatar dan bertemu rakan sejawatnya, Sheikh Hamad Jassim Jabr Al-Thani yang membuka peluang kepada syarikat Malaysia dalam pelaksanaan projek infrastruktur bernilai lebih RM434 bilion yang kini sedang rancak dilaksanakan negara itu.

"Lawatan rasmi saya pada Mei berakhir di Jepun yang memberi berita gembira apabila syarikat Jepun mengesahkan mereka akan melabur RM3.8 bilion di Malaysia pada tahun ini dan tahun depan," katanya.

